



Tapir kian 'tinggalkan' kita

TAPIR malaya (*Tapirus indicus*) sudah diiktiraf dalam Senarai Merah Kesatuan Pemuliharaan Alam Antarabangsa (IUCN) spesies 2017 sebagai spesies yang terancam dan hampir pupus. Kerajaan mengambil tindakan mengiktiraf tapir Malaya sebagai spesies yang dilindungi sepenuhnya di semua negeri. Aktiviti pembalakan dan pembersihan hutan yang berterusan untuk tujuan pertanian dan pembangunan mencabar pengiktirafan dan status haiwan ini yang terancam. Persefahaman antara agensi mestilah ada dan perbincangan mendalam mesti dilaksanakan sebelum apa-apa tindakan yang mengganggu habitat tapir dilakukan. Semua pihak terlibat mesti mampu memberikan pandangan terbaik untuk pemuliharaan tapir. Kajian segera tentang status tapir di habitat liar di Semenanjung Tanah Melayu dalam aspek biologi dan ekologi mereka mesti dijalankan.

Pelan tindakan pemuliharaan tapir mestilah dibangunkan segera dan dilaksanakan sebelum terlewat terutamanya apabila dilaporkan hutan yang ditebang melibatkan 50 peratus habitat tapir. Kita tidak mahu tapir Malaya turut pupus di muka bumi Semenanjung ini. Tapir Malaya merupakan spesies tapir yang terbesar dalam kalangan spesies tapir di dunia dan hanya terdapat di Thailand, Myanmar, Semenanjung Malaysia dan Sumatera. Semua negara

ralat & rareat
Bersama **DR. AHMAD ISMAIL**

tersebut melindungi tapir Malaya dengan pelbagai cara. Indonesia sudah pun membangunkan Pelan Tindakan Pemuliharaan Tapir pada 2013 walaupun belum jelas pelaksanaannya. Malaysia juga sudah membangunkan Pelan Tindakan Pemuliharaan Tapir Kebangsaan pada November 2014.

Thailand belum lagi mempunyai pelan berkenaan. Tapir Malaya disenaraikan dalam Apendiks I Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar (CITES) sebagai spesies paling terancam. CITES yang juga dikenali sebagai Konvensyen Washington ialah perjanjian antara kerajaan antarabangsa yang dirangkaan hasil resolusi yang diterima dalam mesyuarat IUCN pada 1973, bertujuan memastikan perdagangan spesimen-spesimen haiwan dan tumbuhan liar di peringkat antarabangsa tidak mengancam kemandirian hidupan berkenaan. CITES memberikan perlindungan



BANYAK tapir Malaya mati akibat kemalangan.

kepada 33,000 spesies haiwan dan tumbuhan. Dalam senarai Apendiks I CITES tapir Malaya dilarang untuk diperdagangkan dan dilindungi sepenuhnya oleh undang-undang. Pelan tindakan pemuliharaan tapir kebangsaan yang diwujudkan akan dapat memandu program pemuliharaan tapir jangka pendek dan panjang di habitat liar serta dalam kurungan. Pengurusan populasi tapir di habitat liar dan dalam kurungan mestilah diberikan perhatian sepatutnya demi kelestarian populasi mereka. Bagi memastikan kemandirian

populasi tapir, kajian terperinci tentang pembiakan, pemakanan, genetik dan ekologi mesti dilakukan secara mendalam. Tapir Malaya (*Tapirus indicus* Desmarest, 1819) yang diketahui sejak 200 tahun dahulu masih belum difahami secara terperinci tentang biologi dan ekologi. Walaupun pada setiap tahun seluruh dunia menyambut Hari Tapir Sedunia pada 27 April, perhatian tentang pemuliharaan tapir masih di peringkat awal. Habitatnya masih terus terganggu, kematian tapir akibat dilanggar kenderaan terus berlaku dan pemburuan haram masih terjadi. Sebanyak 92 ekor tapir dilaporkan terlibat dalam kemalangan jalan raya sejak 10 tahun lepas. Bilangan ini sangat mempengaruhi masa hadapan populasi tapir di habitat liar.

Program pendidikan dan kesedaran tentang tapir mesti terus aktif agar seluruh rakyat Malaysia faham tentang pemuliharaan tapir. Tapir Malaya mula di senaraikan sebagai spesies terancam pada 1986 akibat daripada kehilangan habitat, pemecahan habitat dan peningkatan pemburuan. Pengurangan populasi dianggarkan 50 peratus dalam masa 36 tahun dikaitkan dengan peralihan hutan dara kepada penanaman sawit dan kegunaan manusia. Semenanjung Malaysia merupakan kawasan yang berpotensi bagi mempertahankan populasi tapir kerana taburannya yang meluas dan hutan yang masih dapat menampung populasi tapir. Ahli sains berkaitan yang ada perlu digemblengkan segera dengan peruntukan jangka pendek dan panjang bagi menjalankan penyelidikan tentang tapir Malaya.

Kira-kira 57 peratus hutan di Semenanjung Malaysia hilang melibatkan 50 peratus habitat tapir. Di Thailand 40 peratus hutan dilindungi manakala di Myanmar hanya lima peratus. Dijangka 24 tahun lagi bersamaan lebih kurang dua generasi tapir, 20 peratus habitat lagi akan hilang. Pembiakan dalam kurungan perlu ditingkatkan bagi menyokong kelestarian populasi tapir. Kajian nisbah haiwan dalam kurungan dan hidupan liar perlu diadakan segera demi kelestarian tapir Malaya daripada kepupusan.

Menurut laporan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan), pada 2009, antara 1,100 hingga 1,500 ekor tapir di Semenanjung manakala pengkaji lain melaporkan antara 1,300 hingga 1800 ekor.

Di Thailand dan Myanmar dilaporkan kurang daripada 250 ekor.

IUCN melaporkan pada tahun 2002 populasi di seluruh dunia antara 500 hingga 2,000 ekor.

Sumatera jumlahnya dianggarkan antara 400 hingga 600 ekor.



Perlu kajian asas mengenai pembiakan tapir

DI seluruh dunia terdapat 160 ekor tapir Malaya hidup di dalam zoo dari benua Amerika hingga Eropah, India hingga ke China dan Australia. Misalnya di Zoo St Louis Amerika Syarikat, *International Zoo Yearbook* 1986 melaporkan sebanyak 18 tapir Malaya telah dipamerkan sejak 1956. Sembilan ekor dilahirkan dalam zoo dan tiga habitat liar.

Walaupun sudah lama tapir dipelihara dan dibiakkan dalam zoo, namun kajian tentang kesejahteraan tapir serta saiz kurungan yang optimum untuk pameran, pembiakan seperti di habitat liar masih lagi belum mantap. Zoo juga menjalankan pertukaran tapir antara zoo untuk tujuan pembiakan, misalnya tapir Malaya di Zoo Adelaide, Australia dilahirkan di Amerika Syarikat pada 1996 dan datang ke Adelaide pada 1998 kemudiannya melahirkan anak pada 2000. Banyak lagi contoh pertukaran tapir dalam kalangan zoo di Eropah. Malah zoo Eropah mempromosikan keselamatan tapir Malaya memandangkan kurang daripada 2,000 ekor tapir itu di habitat liar.

Pada 2016, Zoo Taiping dilaporkan mempunyai enam ekor tapir Malaya, Zoo Negara (lima ekor, Zoo Johor (tiga ekor), Zoo Melaka dan Zoo Kemaman masing-masing dua ekor, manakala Zoo Sunway dan Zoo Gambang masing-masing satu ekor. Di Pusat Pemuliharaan Hidupan Liar Sungai Dusun terdapat 12 ekor tapir. Pembiakan tapir dalam kurungan dapat membantu pengurusan populasi tapir Malaya dalam kurungan dan habitat liar.



OPERASI tangkap tapir dilakukan bagi membolehkannya di jaga dengan baik.

genetik tapir dalam kurungan mesti lengkap agar populasi tapir terkawal dan berguna dalam pengurusan populasinya terutama bagi program melepas semula tapir ke habitat liar. Menurut *Jurnal Zoo Biology* 2013, tapir Malaya mudah dibiakkan dan dijaga dalam kurungan walaupun mereka kurang aktif dan menjadi gemuk. Banyak faktor yang mempengaruhi pembiakan dan kesejahteraan haiwan seperti pemakanan, aktiviti harian, kurungan dan faktor persekitaran. Di dalam kurungan, tapir boleh hidup selama antara 25 hingga 36 tahun berbanding kira-kira 24 tahun di habitat liar. Umur kematangan tapir antara tiga dan lima tahun. Haiwan betina lebih cepat matang berbanding jantan. Tapir yang sihat boleh menghasilkan anak setiap dua tahun, tempoh bunting 13 bulan dengan kitaran estrous selama 30 hari dan tempoh menyusu antara 390 hingga 395 hari. Tapir biasanya melahirkan anak seekor dan jarang kembar. Anak tapir yang baharu lahir berwarna coklat kemerahan dengan garis-

garis dan bulatan putih. Semua anak tapir berbeza warna dengan tapir dewasa sehinggalah umur mereka mencapai empat hingga enam bulan. Dengan teknologi terkini boleh membantu pembiakan yang lebih berkesan dan pengurusan genetik yang baik. Setakat 2014, pernah dilaporkan sebanyak 13 tapir Malaya telah dilahirkan dalam kurungan di bawah kawalan Jabatan Perhilitan, dua ekor di Zoo Melaka dan 11 dilahirkan di Pusat Pemuliharaan Hidupan Liar Sungai Dusun. Sembilan daripada anak tapir yang dilahirkan dilepaskan di habitat liar apabila telah sesuai untuk hidup bebas, selain terlibat dalam program pertukaran tapir antara zoo. Berdasarkan kepada populasi tapir semasa, ancaman yang terus berlaku dan permintaan pembangunan yang berterusan, kajian tentang tapir mesti disegerakan. Menurut *Jurnal Integrative Zoology* 2013 walaupun sudah ada kajian-kajian di habitat liar tetapi masih banyak kajian asas perlu dilakukan tentang pembiakan demi kelestarian spesies ini.

Nama Abd. Latif diabadikan sebagai nama pokok

KETUA Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd Latif Mohmod sekali lagi mencatat sejarah apabila nama beliau diabadikan sempena satu spesies pokok baharu yang ditemukan di negeri Terengganu.

Menurut Pegawai Penyelidik Kanan FRIM, **Dr. Richard Chung**, *Brownlowia latifiana* atau dungun latif daripada famili Malvaceae-Brownlowioideae ditemukan ketika ekspedisi botani penyelidik FRIM ke Hutan Simpan Jerangau, Terengganu pada 2009.

Katanya, spesies pokok itu dinamakan sempena Abd. Latif sebagai penghargaan terhadap sumbangan beliau dalam mendapatkan dana sebanyak RM7.6 juta untuk Projek Melindungi Kepelbagaian Hutan Tumbuhan Semenanjung Malaysia' di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. "Inisiatif serta usaha Abd. Latif juga telah membolehkan FRIM menjadi satu-satunya institusi penyelidikan perhutanan yang mempunyai hak milik ke atas tanah kampus seluas 544.3 hektar (ha) daripada Kerajaan Negeri Selangor pada 2007," ujarnya.

Beliau turut menjadi perintis kepada usaha mendapatkan pengiktirafan untuk FRIM sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada 2009 dan Warisan Kebangsaan (2012). Pengumuman penamaan spesies menjadi lebih bermakna dengan ulang tahun ke-10 pelantikan



ABD. LATIF MOHMOD menunjukkan anak pokok dungun latif yang dinamakan sempena nama beliau.

beliau sebagai ketua pengarah dan genap 33 perkhidmatan beliau di FRIM serta 33 tahun tertubuhnya FRIM sebagai badan berkanun pada tahun ini. FRIM menjalankan usaha menyelamatkan spesies tumbuhan daripada ancaman kepupusan melalui penubuhan kawasan pemuliharaan secara in situ di habitat asal tumbuhan atau ex situ yang melibatkan pemuliharaan sebahagian kecil germplasma di kawasan seperti taman botani dan arboretum. Spesies-spesies baharu yang ditemui dinamakan sempena para penyelidik dan orang kenamaan yang telah

banyak menyumbang kepada pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti sebagai satu usaha memperkenalkan spesies berkenaan kepada masyarakat sekali gus meningkatkan kesedaran akan kepentingan usaha pemuliharaan spesies serta habitat terutama bagi spesies terancam. Pokok tersebut ditemui tumbuh kira-kira 90 meter di atas aras laut, di atas tanah liat berpasir dan aluvium di kawasan beralun serta tepi sungai dipterokarpa di hutan tanah pamah. Sebanyak 13 anak pokok dungun latif berjaya ditanam sepanjang Sg. Kroh, FRIM.

Pokok ini hanya ditemukan di Hutan Simpan Jerangau dan Sungai Jerangau di Dungun. Kedua-dua kawasan ini terletak di luar Kawasan Perlindungan Sepenuhnya (TPA).

Pokok ini ditemukan tumbuh kira-kira 90 meter di atas aras laut, di atas tanah liat berpasir dan aluvium di kawasan beralun serta tepi sungai di hutan dipterokarpa tanah pamah.

Kompatmen 95 HS Jerangau diklasifikasikan sebagai hutan pengeluaran yang pernah dibalok pada 1996 manakala Kuala Sungai Jerangau dikelilingi oleh perladangan pokok getah.

Dungun latif ialah pokok renek yang boleh mencapai ketinggian 15 meter.

Spesies ini endemik kepada Semenanjung Malaysia dan disenaraikan sebagai amat terancam (critically endangered).